

08/03/2003

Nyawa rakyat Iraq tiada nilai berbanding juruterbang AS

Prof Madya Dr Azmi Hassan

SELAGI Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush; Perdana Menteri Britain, Tony Blair dan Perdana Menteri Australia, John Howard, masih tidak mahu menerima hakikat bahawa nyawa manusia adalah berharga - tidak kira sama ada rakyat Afghanistan, Iraq, AS, Britain atau Australia - maka

selagi itulah kemelut yang melanda Iraq tidak dapat diselesaikan.

Nafsu untuk menyerang dan seterusnya menghancurkan Iraq tidak akan luntur selagi ketiga-tiga pemimpin berkenaan tidak dapat menyelami hakikat

bahawa harga nyawa rakyat Iraq adalah sama dengan rakyat mereka.

Apa yang berlaku di Afghanistan adalah manifestasi tepat mengenai persepsi Bush, Blair dan Howard terhadap nilai nyawa seseorang. Nyawa rakyat Afghanistan bagaikan tiada nilai langsung kerana strategi perang yang dilancarkan tentera AS amat keterlaluan yang mengakibatkan jumlah korban begitu besar.

Walaupun sudah digembar-gemburkan oleh Pentagon bahawa peralatan ketenteraan yang digunakan adalah canggih seperti bom pintar yang dikawal

selia oleh satelit, hakikatnya ramai rakyat Afghanistan yang tidak berdosa

terkorban.

Sukar untuk dipastikan berapakah jumlah orang awam yang terkorban akibat

Perang Afghanistan tetapi dipercayai jumlahnya melampaui 4,000 orang - melebihi jumlah korban serangan 11 September.

Ironisnya, Osama Bin Laden yang dituduh sebagai dalang serangan 11 September belum diketahui sama ada masih hidup atau sebaliknya.

Jumlah korban perang rakyat Afghanistan yang begitu ramai atau Pentagon

lebih gemar menggunakan frasa `kemusnahan sandaran' (collateral damage) adalah perkara yang boleh dikurangkan.

Dianggarkan 95 peratus korban perang Afghanistan berpunca daripada serangan udara yang dilancarkan sebanyak 4,700 kali. Berbanding perang Balkan yang menggunakan 38,000 serangan udara, jumlah kemusnahan sandaran

hanya mencecah 500 nyawa orang awam.

Jika mengikut logik, perang Afghanistan sepatutnya mengundang kemusnahan

sandaran kurang daripada perang Balkan kerana jumlah serangan udara yang dilakukan jauh lebih rendah.

Ditambah dengan taburan penduduk Afghanistan yang bertebaran dan tidak tertumpu pada satu tempat seperti di Yugoslavia, ia mengundang banyak pertanyaan mengapa jumlah korban orang awam yang terlalu banyak.

Jawapan kepada persoalan di atas dapat diselami jika diteliti ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika majlis perasmian Sidang Kemuncak Ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada 24

Februari

lalu.

Perdana Menteri mengemukakan satu soalan hipotetikal yang mengandaikan jika korban rakyat awam dalam perang Afghanistan boleh dikatakan sebagai kemusnahan sandaran, adakah boleh juga kita katakan bahawa mereka yang terkorban ketika serangan 11 September dan Bali juga sebagai kemusnahan awam? Sudah tentu Bush, Blair dan Howard tidak akan bersetuju dengan andaian ini kerana mereka menilai nyawa setiap manusia pada darjat yang berbeza. Apa yang berlaku dalam perang Afghanistan sudah membuktikan penjimatan kos peperangan adalah jauh lebih penting daripada nyawa rakyat Afghanistan sendiri.

Dalam perang Balkan, walaupun begitu banyak serangan udara dilakukan, bom yang diguna dikawal oleh laser. Bom jenis ini lebih tepat dan mudah menuju ke sasaran. Sebab itu jumlah kemusnahan sandaran hanya 500 nyawa.

Tetapi apabila AS menyerang Afghanistan, walaupun banyak bom pintar yang digunakan, ia bukan dari jenis yang dikawal oleh laser tetapi bom yang dikawal oleh satelit. Walaupun digembar-gemburkan bahawa bom yang dikawal satelit lebih tepat dan pintar, ia tidak setepat bom laser.

Sebab utama AS menggunakan bom satelit dalam perang Afghanistan kerana bom jenis ini jauh lebih murah, iaitu satu persepuluh daripada harga bom laser.

AS sudah menduga jika bom satelit digunakan, jumlah kemusnahan sandaran akan meningkat dengan mendadak seperti yang berlaku di Afghanistan.

Namun AS sudah meletakkan nilai nyawa rakyat Afghanistan begitu rendah martabatnya hingga sanggup mengorbankan beribu-ribu orang awam yang tidak berdosa asalkan kos peperangan dapat dikurangkan.

Apabila Bush mendabik dada dengan angkuh menyatakan tujuan Iraq terpaksa diserang untuk melepaskan rakyat Iraq daripada cengkaman Saddam Hussein, itu adalah dusta semata-mata.

Apa yang berlaku di Afghanistan akan berulang di Iraq, malah jumlah kemusnahan sandaran dijangka meningkat lebih banyak. Dalam Perang Teluk 1991, sebanyak 50,000 serangan udara dilakukan yang mengakibatkan 3,200 rakyat Iraq yang tidak berdosa terkorban.

Beberapa hari lalu, Jeneral Richard Myers iaitu Pengerusi Ketua Staf Bersama Tentera AS, memberi gambaran bahawa strategi serangan ke atas Iraq tidak seperti yang dilakukan dalam perang Teluk pertama.

Myers mencanangkan 3,000 bom pintar akan dilancarkan dalam masa 48 jam pertama serangan dimulakan. Bom pintar yang dilancarkan melalui darat, udara dan laut adalah jenis JDAM (Joint Direct Attack Munitions) yang dikawal satelit GPS.

Gambaran yang diberikan seolah-olah menunjukkan tiada bom laser yang akan digunakan dalam serangan permulaan.

Dalam serangan permulaan perang Afghanistan, cuma 65 peluru berpandu pintar jenis Tomahawk dilancarkan melalui kapal selam dan kapal perang. Peluru berpandu Tomahawk seperti bom JDAM juga dikawal oleh satelit GPS.

Tidak dapat dipastikan dengan sebenar jumlah kemusnahan sandaran yang disebabkan Tomahawk tetapi jangkakan beratus-ratus yang terkorban adalah satu nilai yang munasabah.

Cuba bayangkan jika serangan Iraq dimulakan dengan 3,000 bom dan

peluru

berpandu, maka jumlah korban rakyat Iraq pasti menjadi lebih besar dan kemungkinan menjangkau jumlah korban keseluruhan perang Teluk 1991.

Bom laser tidak akan digunakan kerana kosnya lebih mahal daripada bom satelit dan penggunaan bom laser memerlukan jet pejuang AS terbang rendah

yang sudah tentu memberi peluang kepada tentera Iraq menggunakan senjata penangkis pesawat.

Oleh kerana Bush meletakkan darjat nyawa juruterbang jet pejuang AS jauh

lebih tinggi berbanding beribu-beribu rakyat Iraq yang tidak berdosa, sudah tidak menjadi hal jika ramai mereka yang tidak berdosa akan terkorban.

Walaupun 200,000 tentera AS sudah bersiap sedia di sempadan Iraq, Bush tidak akan menghantar mereka untuk menakluk Iraq sebelum 3,000 peluru berpandu dan bom menjadikan Iraq padang jarak padang tekukur.

Penentangan secara besar-besaran oleh rakyat AS, Britain dan Australia terhadap rancangan perang pemimpin mereka timbul daripada kesedaran bahawa

serangan ke atas Iraq akan hanya mengorbankan lebih ramai rakyat Iraq yang tidak berdosa.

Walaupun ratusan ribu rakyat AS menunjuk perasaan membantah tindakan perang Presiden mereka, atau puluhan ribu lain rakyat Britain dan Australia membantah tindakan Perdana Menteri mereka, Bush, Blair dan Howard tetap berkeras hati dengan rancangan mereka.

Ini adalah kerana harga nyawa yang diletakkan oleh rakyat AS, Britain dan Australia tidak sama seperti yang diletakkan oleh Presiden dan Perdana Menteri mereka.